

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2014**

Semua Dekan/Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.  
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

### **PERUBAHAN NILAI PEMBELIAN TERUS BAGI PEROLEHAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

#### **TUJUAN**

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan perubahan nilai pembelian terus bagi urusan perolehan, di Universiti Malaysia Pahang.

#### **LATARBELAKANG**

- 2.1 Pada masa ini perolehan bekalan dan perkhidmatan bagi pembelian setiap jenis item ditetapkan sehingga RM50,000.00 boleh dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak dengan Kementerian Kewangan dan bertaraf bumiputera atau tidak bumiputera selaras dengan perubahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 12 Tahun 2007. Perkara ini telah dikaji semula selaras dengan langkah perbelanjaan berhemat bagi mengurangkan perbelanjaan awam.

- 2.2 Kerajaan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2014 telah menetapkan had nilai pembelian terus bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah sehingga RM20,000.00
- 2.3 Jawatankuasa Tetap Kewangan yang bermesyuarat pada 28 Mac 2014 bersetuju menerimapakai Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2014 yang disesuaikan dengan UMP seperti perenggan 3.

### **PERUBAHAN HAD NILAI PEMBELIAN TERUS**

3. Had kuasa perolehan Ketua PTJ bagi urusan pembelian terus perolehan bekalan dan perkhidmatan dihadkan kepada RM20,000.00 sahaja

### **PERATURAN PEROLEHAN MELEBIHI RM20,000.00 – RM50,000.00**

- 4.1 Perolehan bekalan dan perkhidmatan bagi perolehan melebihi RM20,000.00 hingga RM50,000.00 masih diuruskan secara nyahpusat di PTJ masing-masing mengikut tatacara sediada seperti Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 Tahun 2009 dengan kelonggaran seperti berikut:
  - (a) Pelawaan di kalangan 3 pembekal tempatan;
  - (b) Tempoh pelawaan minimum adalah 3 hari;
  - (c) Penyebutharga boleh mengemukakan terus kepada urusetia melalui surat, faksimili atau email;
  - (d) Penilaian sebutharga oleh satu Jawatankuasa Penilai
- 4.2 Pihak Berkuasa Melulus bagi perolehan melebihi RM20,000.00 hingga RM50,000.00 hendaklah diluluskan oleh:
  - (a) Jawatankuasa Sebutharga Universiti; atau
  - (b) **Jawatankuasa Sebutharga B Universiti** yang keanggotaan dan korum adalah terdiri daripada 3 orang iaitu seperti berikut:

Pengerusi: Dekan/ Ketua PTJ.  
Ahli: Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pascasiswazah)  
Ketua Teknikal Fakulti  
Pegawai Pentadbiran Kanan  
Staf Kewangan PTJ/Wakil Unit Perolehan

Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pascasiswazah) boleh dilantik sebagai pengerusi gantian.


- 4.3 Kelulusan hendaklah diadakan secara bermesyuarat dan pesanan tempatan hendaklah dikeluarkan bagi setiap sebutharga yang diluluskan. Minit mesyuarat dan maklumbalas tindakan hendaklah disalinkan kepada Unit Perolehan, Jabatan Bendahari bagi tujuan rekod.
- 4.4 Perubahan ini seterusnya meminda Peraturan Kewangan & Perakaunan Universiti bagi perenggan 1.20.2 Terma dan Rujukan Jawatankuasa Perolehan dan 3.13 Kaedah-Kaedah Perolehan.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

5. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 15 April 2014.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan tugas



**ZAINUDIN BIN OTHMAN**  
Bendahari  
Universiti Malaysia Pahang

4 April 2014

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pendaftar